

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 13.09.2024 MASA: 5.30 PM

**MUKTAMAD**



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN *BUTTERWORTH FRINGE  
FESTIVAL 2024***

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**14 SEPTEMBER 2024 (SABTU)  
8.00 MALAM**

**PADANG PEMUDA MERDEKA  
BUTTERWORTH  
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Wong Hon Wai**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap  
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif

**Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng**

Ahli Parlimen Bagan

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid**

Datuk Bandar MBSP

**Yang Dihormati Barisan Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik Butterworth Fridge Festival**

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Malam dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Butterworth Fringe Festival di Padang Pemuda Butterworth.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan dan Yang Berhormat Tuan Wong Hon Wai, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkап Pengerusи Jawatankuasa Pelancongan dan Ekonomi di atas kesudian menghadiri majlis perasmian ini.
3. Saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Exco-Exco Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat Senator-Senator; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; wakil-wakil daripada Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agenzi Kerajaan; warga kerja MBSP; rakan-rakan media; dan warga Seberang Perai secara amnya dan warga Butterworth secara khususnya; pengunjung-

pengunjung dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada malam ini.

4. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan *Penang Global Tourism* (PGT), menganjurkan *Butterworth Fringe Festival* Tahun 2024 atau Festival Pinggiran Butterworth 2024 pada 14 dan 15 September 2024 (Sabtu-Ahad) bermula jam 5.00 petang sehingga 11.00 malam bertempat di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth.
5. *Butterworth Fringe Festival* (BFF) merupakan acara tahunan bertaraf antarabangsa yang mempamerkan persembahan tempatan dan antarabangsa secara percuma kepada orang ramai. *Butterworth Fringe Festival* adalah satu-satunya festival berkonsepkan *street art performance* di Seberang Perai. *Butterworth Fringe Festival* 2024 (BFF 2024) ini adalah merupakan penganjuran kali kelapan (8) sejak tahun 2015 (kecuali tahun 2020 dan 2021 akibat penularan wabak Covid-19) dan diadakan untuk dua (2) hari, iaitu pada 14 dan 15 September 2024.
6. Pengisian program BFF 2024 adalah berbentuk *gastronomy*, kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan dalam usaha MBSP untuk memangkin ekonomi masyarakat tempatan selaras dengan usaha merancakkan pembangunan semula Bandar Butterworth. *Butterworth Fringe Festival* merupakan salah satu platform dalam

menggalakkan pembangunan seni bagi menjadikan bandar Butterworth sebagai hub budaya, kreatif dan inovatif di samping mempromosikan budaya tempatan kepada masyarakat setempat mahupun luar. Festival yang disajikan secara PERCUMA ini telah menarik ramai pengunjung tempatan dan antarabangsa untuk hadir menyaksikan kepelbagaian pengisian seni, budaya, muzik, tarian, hands-on workshop dan sebagainya sepanjang festival berlangsung.

7. Pengisian BFF yang berteraskan asimilasi budaya tempatan dan antarabangsa yang bakal dipersembahkan secara PERCUMA kepada semua pastinya menjanjikan kelainan sepanjang festival ini berlangsung. Penganjuran BFF 2024 mampu menjadi platform dalam memangkin inisiatif *Local Economic Development* (LED) dan merupakan usaha untuk memajukan industri pelancongan di Seberang Perai secara khasnya dan negeri Pulau Pinang secara amnya.
8. Secara ringkasnya, kawasan di mana diadakan BFF dibahagikan kepada lapan (8) zon. Tuan-tuan dan puan-puan boleh mendapatkan maklumat lanjut di dalam BFF *eBooklet*. Lebih daripada 70 artis yang akan buat persembahan termasuk artis antarabangsa dan tempatan.
9. MBSP mengharapkan agar semua stakeholders dan seluruh komuniti di Seberang Perai khasnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya untuk

sama-sama hadir bagi memeriahkan dan menyemarakkan lagi festival dua (2) hari ini iaitu *Butterworth Fringe Festival 2024*.

10. BFF merupakan salah satu inisiatif untuk meremajakan dan membangunkan semula Bandar Butterworth ke arah *liveable city* yang lebih ceria dan *vibrant* di Seberang Perai serta memangkinkan *Local Economic Development* (LED) bagi penduduk Seberang Perai khasnya dan Negeri Pulau Pinang secara amnya.
11. Di antara usaha-usaha pembangunan fizikal dan projek komuniti yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai di Parlimen Bagan terutamanya Butterworth adalah:-
  - i. **Menaiktaraf Gelanggang Serba Guna (Harcourt) Lebuh Kampung Benggali, Butterworth.** Projek ini dilaksanakan dengan keseluruhan kos dibiayai sepenuh oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai sebanyak RM381,000.00 dan telah siap dilaksanakan pada 17 Julai 2024.
  - ii. **Menaiktaraf Taman Pantai, Butterworth.** Pembangunan semula kawasan rekreasi Taman Pantai ini bertujuan untuk mengembalikan semula tarikan pelancongan dengan menyediakan pembangunan yang menarik dan bersesuaian dengan keadaan tapak pada masakini. Projek ini dijangka akan dilaksanakan di tapak pada pertengahan bulan November 2024 dan keseluruhan kos dibiayai sepenuhnya oleh Majlis

Bandaraya Seberang Perai sebanyak RM699,106.00 dan dijangka siap sepenuhnya pada April 2025.

iii. **Menaiktaraf Butterworth Art Walk di Lorong Belakang Bagan Luar 2.** Projek pengindahan rekabentuk bandar dengan menaiktaraf lorong belakang dan lorong sisi ini dikenali sebagai *Butterworth Art Walk*. Projek ini mendapat peruntukan daripada Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC) dengan kos sebanyak RM250,000.00 dan dijadualkan akan mula dilaksanakan pada Oktober 2024 dan siap sepenuhnya pada bulan Disember 2024.

12. Di kesempatan ini, saya ingin memaklumkan bahawa 16 September 2020 merupakan tarikh perisytiharaan Hari Bandaraya Seberang Perai dan MBSP menyambut Hari Bandaraya bermula 14 September sehingga 14 Oktober setiap tahun. Tahun ini merupakan Sambutan Hari Bandaraya Kelima dan akan mengadakan Sambutan Hari Bandaraya pada 28 September 2024. Sebanyak 50 aktiviti diadakan sempena Hari Bandaraya tahun ini, antaranya pertandingan mewarna, perasmian taman bunga, *Butterworth Fringe Festival*, program program di bawah Unit Kualiti, Pertandingan *Battle of The Band*, jualan-jualan dan pelbagai lagi.
13. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, agensi-agensi

kerajaan dan swasta atas komitmen yang holistik yang menjadi intipati utama dalam penganjuran BFF kali ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua *stakeholders* dan seluruh komuniti Seberang Perai kerana menyokong semua usaha MBSP selama ini. MBSP amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang berterusan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk penganjuran program yang besar dan gemilang ini, iaitu *Butterworth Fringe Festival* (BFF), yang bersifat *people-centric* sejajar dengan Penang2030 dan Hala Tuju Strategik MBSP. MBSP ingin terus menyuntik semangat untuk perkembangan pembangunan Butterworth, yang kini mempunyai satu aroma baru kaya dengan nilai kesenian, kebudayaan dan warisan.

14. Akhir kata, marilah kita bersama-sama memeriahkan *Butterworth Fringe Festival* (BFF) 2024 dengan meningkatkan permuafakatan rakyat bersama Bandaraya Seberang Perai dalam mencapai **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***